

04 MAY 1999

Samy-laporan

KEMENTERIAN KERJA RAYA AKAN KEMUKAKAN KLAPORAN KEMAJUAN SETIAP BULAN

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Kementerian Kerja Raya akan mengemukakan laporan kemajuan mengenai pelaksanaan projek-projek pembangunan kepada Kabinet sebulan sekali dan bukan setahun sekali sebagaimana yang diamalkan sekarang, kata menterinya Datuk Seri S. Samy Vellu hari ini.

Katanya laporan itu akan disediakan oleh Jawatankuasa Bertindak Pembangunan kementerian itu yang diketuainya.

Bercakap kepada pemberta selepas merasmikan satu pameran buku Tamil di sini, Samy Vellu berkata jawatankuasa itu yang mengadakan mesyuarat pertamanya di sini minggu lepas, membuat keputusan untuk mengemukakan laporan itu sebulan sekali bagi memaklumkan kepada Kabinet mengenai prestasi kementerian itu.

"Jawatankuasa itu akan menilai projek-projek yang dilaksanakan dan peruntukan yang terbabit," katanya.

Jawatankuasa itu ditubuhkan berikutan arahan daripada Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) 23 April lepas supaya setiap kementerian menubuhkan jawatankuasa bertindak pembangunan dengan diketuai oleh menteri masing-masing untuk mengkaji pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Semalam, Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin berkata jawatankuasa itu perlu bertemu dua kali seminggu untuk mengkaji masalah yang timbul dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan itu.

Samy Vellu berkata jawatankuasa itu akan bertemu sekali seminggu untuk membincangkan masalah yang dihadapi oleh kontraktor-kontraktor.

Katannya para jurutera daerah akan diarahkan supaya segera memaklumkan dengan segera kepada kementerian mengenai apa-apa masalah yang dihadapi oleh para kontraktor melalui komputer.

Samy Vellu juga berkata beliau telah meminta kementeriannya menyediakan senarai projek-projek yang diterima daripada kementerian-kementerian untuk pelaksanaan.

"Semua tindakan dan pelaksanaan berhubung dengan projek-projek itu akan direkodkan oleh kementerian ini setiap bulan," katanya.

Beliau juga berkata daripada jumlah RM3.4 bilion yang diperuntukkan kepada kementerian beliau, hanya sembilan peratus digunakan setakat ini.

Katanya menjelang Ogos, sekurang-kurangnya 50 peratus akan dibelanjakan untuk projek-projek yang telah diluluskan.

Beliau mengulas mengenai kenyataan Daim semalam bahawa 16 kementerian dan jabatan mengalami kekurangan perbelanjaan antara 50 dan 100 peratus bagi suku pertama tahun ini.

"Banyak projek-projek telah dibuka untuk tender sekarang dan keseluruhan proses tender akan mengambil antara dua dan tiga bulan untuk disiapkan," katanya.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata satu sistem baru akan dilaksanakan bagi memastikan peruntukan untuk projek yang diluluskan dibelanjakan.

Samy Vellu juga berkata kementeriannya telah membuat keputusan mengenai jangka masa bagi kontraktor memulakan kerja bagi projek mereka selepas tender diberikan.

Beliau percaya jangka masa selama dua minggu yang dicadangkan sebelum ini terlalu singkat untuk para kontraktor.

Katanya jangka masa yang baru itu akan diumumkan selepas beliau berbincang dengan Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed.

--BERNAMA
ES WAT